

BAB KETIGA

KEADAAN PELACURAN DI KELANTAN

Terdapat beberapa aspek penting apabila membicarakan mengenai profesi pelacuran. Selain daripada pelacur itu sendiri, komponen-komponen lain seperti pelanggan dan ibu atau bapa ayam turut berperanan menghidupkan kegiatan ini. Hasil daripada gabungan ketiga-tiga komponen tersebut maka kawasan kegiatan dapat dikenalpasti. Jelasnya ada rantai di antara pelacur, pelanggan, ibu atau bapa ayam dan kawasan kegiatan.

Bilangan perempuan jahat (pelacur).

Memandangkan kepada sifat perdagangannya, adalah sukar bagi kita untuk menentukan dengan tepat, bilangan pelacur yang sebenarnya di Kelantan sebelum Perang Dunia Kedua. Tidak terdapat rekod-rekod tentang ramainya pelacur ini. Namun salah satu bukti tentang kewujudan kegiatan pelacuran di Kelantan ialah terdapatnya senarai nama berkenaan pelacur. Senarai nama ini diperolehi hasil daripada tangkapan yang dilakukan oleh pihak Majlis Agama Islam dan Istimadat Melayu Kelantan (MAIK) setelah diarahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan supaya menyiasat dan menyenaraikan nama pelacur.¹

¹ Setiausaha Majlis Ugama Islam dan Istimadat Melayu Kelantan (MAIK), Nik Mat di dalam suratnya kepada Tuan Kapten Anderson Chief Polis Kota Bharu bertarikh 6hb.Okttober,1919 menyatakan bahawa Duli Yang Maha Mulia al-Sultan telah menitahkannya supaya menyiasat dan menyenaraikan nama-nama perempuan jahat (pelacur) di dalam bandar Kota Bharu. Di dalam perkara tersebut setiausaha telah menulis surat kepada Inspektor Sheikh Salleh supaya memerintah mana-mana gelap(polis) supaya menyenaraikan nama-nama perempuan jahat. Lihat MAIK, 135/16, "Berkenaan dengan perempuan tua yang menjadikan barua titahnya minta diberhentikan mereka yang semacam itu daripada menjalankan pekerjaannya." hlm. 15.

Terdapat seramai empat puluh empat orang pelacur telah ditangkap di sekitar bandar Kota Bharu pada tahun 1916.² Pada tahun 1917 terdapat seramai empat puluh lima orang pelacur,³ pada tahun 1923 pula terdapat seramai dua puluh enam orang⁴ dan pada tahun 1937 terdapat seramai tiga puluh empat orang pelacur telah ditangkap.⁵ Jadual (3.1) di bawah menunjukkan jumlah pelacur yang ditangkap di Kota Bharu bagi tahun 1916, 1917, 1923 dan 1937.

Jadual (3.1)
Pelacur yang telah ditangkap di sekitar Kota Bharu
bagi tahun 1916, 1917, 1923 dan 1937.⁶

Tahun	Jumlah yang ditangkap
1916	44
1917	45
1923	26
1937	34
Jumlah keseluruhan	149

Jadual (3.1) menunjukkan bahawa terdapat pertambahan pelacur yang ditangkap iaitu dari empat puluh empat orang pada tahun 1916 kepada empat puluh lima orang pada tahun 1917. Walau bagaimanapun pada tahun 1923 jumlah penangkapan

² Ibid., hlm. 1 dan 2. Sila lihat lampiran (3.1).

³ MAIK, 43/17, “Berkenaan perempuan jahat”, hlm. 17. Lihat lampiran (3.2).

⁴ MAIK, 205/23, “Minta majlis mengadakan jamin ke atas perempuan-perempuan jahat bagaimana senarai nama mereka yang dikehendaki oleh mahkamah syariah”, hlm. 2. Lihat lampiran (3.3).

⁵ MAIK, 342/37, “Minta majlis menjadi pendakwa di atas lapan orang perempuan dan laki-laki yang telah ditangkap oleh Tuan Haji Ahmad Mahir Kadi Besar kesalahan berhalwat pada hari Selasa malam 10/8/37”, hlm. 4. Lihat lampiran (3.4).

⁶ Sila lihat fail MAIK, 135/16, 43/17, 205/23 dan 342/37. Lihat juga lampiran (3.1), (3.2), (3.3) dan (3.4).

pelacur telah berkurang kepada dua puluh enam orang sahaja. Namun begitu jumlah pelacur yang ditangkap kembali bertambah pada tahun 1937 iaitu menjadi tiga puluh empat orang.

Dengan itu terdapat seramai seratus empat puluh sembilan orang pelacur dikenalpasti beroperasi di sekitar bandar Kota Bharu bagi tahun 1916, 1917, 1923 dan 1937. Jumlah yang disebutkan ini bukanlah mewakili kesemua pelacur yang terdapat di sekitar bandar Kota Bharu, sebaliknya jumlah tersebut diperolehi hasil daripada tangkapan yang dilakukan oleh MAIK.

Selain di Kota Bharu, terdapat juga pelacur yang ditangkap di jajahan Tumpat dan Pasir Mas.⁷ Pada tahun 1917, misalnya terdapat seramai tiga belas orang pelacur ditangkap di jajahan Tumpat⁸ dan di Pasir Mas pula terdapat seramai sebelas orang.⁹ Sementara itu pada tahun 1923,¹⁰ pula terdapat seramai tiga belas orang pelacur telah ditangkap di jajahan Tumpat. Jadual (3.2) menunjukkan pelacur yang ditangkap di jajahan Tumpat dan Pasir Mas bagi tahun 1917 dan 1923.

⁷ Sila lihat senarai nama pelacur yang ditangkap di jajahan Tumpat dan Pasir Mas di halaman 50, 51 dan 54 di dalam bab kedua.

⁸ MAIK, 43/17, op.cit., hlm. 38.

⁹ Ibid., hlm. 43.

¹⁰ MAIK, 205/23, op.cit., hlm. 3.

Jadual (3.2)
Pelacur yang telah ditangkap di jajahan Tumpat dan Pasir Mas
bagi tahun 1917 dan 1923.¹¹

Tabun	Jumlah yang ditangkap	
	Tumpat	Pasir Mas
1917	13	11
1923	13	-
Jumlah keseluruhan	26	11

Jadual (3.2) menunjukkan bahawa terdapat seramai 37 orang pelacur di jajahan Tumpat dan Pasir Mas bagi tahun 1917 dan 1923.¹² Ini membuktikan bahawa pelacur bukan sahaja terdapat di sekitar jajahan Kota Bharu bahkan juga di jajahan Tumpat dan Pasir Mas.

Selain ketiga-tiga jajahan ini kegiatan pelacuran juga terdapat di jajahan Pasir Putih dan Ulu Kelantan. Namun begitu di kedua-dua jajahan ini tiada data atau rekod tangkapan dibuat oleh itu anggaran mengenai jumlah pelacur di sini tidak dapat dibuat. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan *di* kedua-dua jajahan ini juga terdapat kegiatan pelacuran. Kenyataan ini berdasarkan laporan daripada kadi jajahan yang mewakili kedua-dua jajahan berkenaan yang menyatakan ramai pelacur terdapat di jajahan masing-masing.¹³ Rekod penyakit kelamin di kedua-dua jajahan tersebut juga menjadi bukti

¹¹ Sila lihat fail MAIK, 43/17, hlm. 38 dan 43 dan 205/23, hlm. 3.

¹² Angka-angka yang dicatatkan di sini tidak mewakili keseluruhan pelacur yang terdapat di kedua-dua jajahan. Jumlah sebenar mungkin jauh lebih ramai, ini berdasarkan laporan-laporan yang dibuat oleh kadi-kadi jajahan, imam, penggawa serta orang awam. Lagi pun angka yang dicatatkan di sini terhad kepada tahun 1917 dan 1923 bagi daerah Tumpat dan tahun 1917 bagi daerah Pasir Mas.

¹³ Lihat MAIK, 132/17, "Berkenaan dengan perempuan-perempuan jahat dalam bandar Pasir Putih," hlm. 1. dan MAIK, 217/29, "Pegawai-pegawai mahkamah syariah Ulu Kelantan memohonkan surat kuasa bagi menangkap perempuan-perempuan jahat yang berkhilwat di hotel dan lain-lain," hlm. 4. Lihat juga halaman 55-60 di dalam bab kedua.

tentang kewujudan pelacuran di kawasan berkenaan.¹⁴ Selain itu kegiatan pelacuran juga terdapat di Bachok.¹⁵

Huraian di atas menunjukkan statistik tangkapan lebih tinggi di jajahan Kota Bharu berbanding jajahan Tumpat dan Pasir Mas. Keadaan ini berlaku kerana beberapa sebab. Kota Bharu merupakan sebuah bandar yang maju jika dibandingkan dengan Tumpat dan Pasir Mas. Fungsinya sebagai pusat pemerintahan dan pentadbiran telah menyebabkan banyak kemudahan terdapat di sini. Antara kemudahan tersebut ialah pejabat-pejabat kerajaan. Antara tahun 1909 sehingga 1941 terdapat Pejabat Jajahan, Pejabat Tanah dan Bandar, Pejabat Pos dan Telegraf, Mahkamah, Ibu Pejabat Polis Kelantan, Jabatan Kerja Raya dan Hospital.¹⁶ Selain pejabat-pejabat tersebut pada 24 Disember 1915 telah tertubuhnya Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).¹⁷ MAIK merupakan sebuah badan kerajaan yang secara langsung terlibat di dalam menguruskan pentadbiran agama Islam di Kelantan. Memandangkan kedudukan MAIK adalah terletak berhampiran bandar Kota Bharu maka segala aduan senang disampaikan dan tindakan segera dapat dilakukan.

¹⁴ Sila lihat berkenaan penyakit kelamin di kedua-dua jajahan berkenaan yang telah pun dibincangkan di halaman 67-69 di dalam bab kedua.

¹⁵ Rujuk surat Setiausaha MAIK kepada Dato' Perdana Menteri (Menteri Besar) berkenaan surat-surat yang diterimanya daripada kadi jajahan Pasir Putih, Bachok, Pasir Sat (Ulu Kelantan) dan Pasir Mas. Di dalam surat tersebut beliau dimaklumkan oleh keempat-empat kadi berkenaan mengenai kegiatan pelacuran di daerah masing-masing. Lihat MAIK, 84/32, "Khalwat dan persundulan yang ditegah oleh syariah hendak dijalankan kuasa majlis mengikut kelulusan notis dan undang-undang," hlm. 10.

¹⁶ Lihat Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh, "Bandar Kota Bharu: Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangannya", dalam Warisan Kelantan iii, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Kota Bharu, 1984, hlm. 102.

¹⁷ Abdul Razak Mahmud, "Tujuh Puluh Lima Tahun Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan", dalam Warisan Kelantan XI, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Kota Bharu, 1992, hlm. 1.

Di Kota Bharu juga terdapat banyak kemudahan penginapan. Salah satu daripadanya ialah hotel dan rumah tumpangan. Di hotel tepi sungai Kota Bharu, misalnya sering menjadi tumpuan pelacur seperti mana digambarkan oleh Setiausaha MAIK di dalam petikan berikut,

Baharu ini Peguam Majlis ada berjalan di hotel tepi sungai Kota Bharu ialah kerana dapat khabar perempuan-perempuan selalu pergi berhimpun di sana, maka bila sahaja Peguam Majlis pergi mereka itu telah lari...¹⁸

Petikan di atas menggambarkan bahawa tempat penginapan seperti hotel sering menjadi tumpuan pelacur. Oleh yang demikian pihak MAIK sering mengadakan serbuan di tempat tersebut.


Wujudnya rumah-rumah pelacuran di bandar Kota Bharu juga menjadi penyebab kepada merebaknya pelacuran di jajahan ini. Terdapat empat buah rumah pelacuran yang terkenal di bandar Kota Bharu iaitu di kawasan Lorong Kubur, Lorong Che Kadir, Jalan Wakaf Siku dan Jalan Post Office.¹⁹ Rumah pelacuran ini telah dikenalpasti oleh pihak MAIK dan polis. Oleh itu serbuan dan tangkapan sering dilakukan. Hasil tangkapan tersebut maka statistik pelacur yang ditangkap telah direkodkan.

Berdasarkan faktor-faktor di atas maka bilangan pelacur yang ditangkap di jajahan Kota Bharu lebih ramai berbanding jajahan lain. Ini kerana melalui penangkapan maka bilangan pelacur dapat direkodkan.

¹⁸ PMK, 449/23, hlm. 1.

¹⁹ Keempat-empat rumah pelacuran di kawasan berkenaan telah pun dibincangkan di dalam bab kedua di halaman 63-67.

Peta 3: Bandar Kota Bharu di sekitar tahun 1900



Sumber: Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh, "Bandar Kota Bharu: Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangannya," dalam Warisan Kelantan iii, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Kota Bharu, 1984, hlm. 91.

Kawasan kegiatan

Kota Bharu merupakan tempat utama kegiatan pelacuran di Kelantan. Ini didasarkan daripada jumlah tangkapan yang dibuat. Pada tahun 1916, terdapat enam tempat yang menjadi tumpuan pelacur di Kota Bharu. Tempat-tempat tersebut ialah Lorong Gajah Mati,²⁰ Lorong Che Su,²¹ Jalan Padang Garong,²² Kampung Engku Merah, Kampung Engku Chik dan Kampung Raja Kelantan. Terdapat sepuluh orang pelacur di ke enam-enam tempat tersebut.

Pada tahun 1917, terdapat sembilan tempat yang menjadi tumpuan pelacur. Tempat-tempat tersebut ialah Balik Kota, Kampung Tengku Bendahara, Berek Raja Muda, Padang Garong, Kampung Sireh,²³ Lundang, Kampung Raja, Sungai Budur,²⁴ dan Kampung Engku Besar Tuan Long Ahmad. Terdapat tujuh belas orang pelacur di sembilan tempat yang telah disebutkan.

²⁰ Lorong Gajah Mati sekarang dikenali dengan Jalan Gajah Mati. Lorong ini menghala dari persimpangan Jalan Seri Maharaja dengan Jalan Kampung Sireh sampai ke tebing sungai Kelantan. Lihat peta 4, nombor 1.


²¹ Lorong Che Su sekarang dikenali dengan Jalan Che Su. Lorong ini bermula dari Jalan Seri Maharaja (Sekarang Jalan Sultanah Zainab) menghala ke tepi sungai di belakang panggong Lido sekarang. Lihat peta 4, nombor 2.

²² Jalan Padang Garong sekarang jalan ini dinamakan Jalan Mahmud. Jalan ini bermula dari persimpangan Jalan Tengku Seri Maharani, Jalan Padang Bongor dan Jalan Kebun Sultan menghala ke persimpangan Jalan Jail. Lihat peta 4, nombor 3.

²³ Jalan Kampung Sireh menghala dari hilir ke hulu bandar Kota Bharu. Ia bermula dari hilir ke hulu bandar Kota Bharu. Ia bermula dari persimpangan Jalan Rest House dengan Lorong Gajah Mati di sebelah hilir menghala ke sebelah hulu hingga ke Kampung Puteh (di persimpangan Jalan Kampung Puteh dan Jalan Pintu Geng sekarang). Lihat peta 3, nombor 1.

²⁴ Lihat peta 3, nombor 2.

Peta 4: Bandar Kota Bharu di sekitar tahun 1910



Sumber: Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh, "Bandar Kota Bharu: Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangannya," dalam Warisan Kelantan iii, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Kota Bharu, 1984, hlm. 84.

Pada tahun 1923 pula, terdapat sebanyak dua belas tempat menjadi tumpuan. Antaranya ialah Jalan Tuan Besar, Jalan Tengku Putra Semerak, Lorong (Jalan) Temenggung,²⁵ Kampung Tengku Pekerma Raja, Jalan Tok Hakim,²⁶ Lorong Gajah Mati, Kampung Tengku Temenggung Lama, Lorong Che Su, Lorong Datuk Muda, Balik Kota, Kampung Seri Maharaja²⁷ dan Sebelah Hulu Pasar (gudang). Di tempat-tempat yang telah disebutkan, terdapat seramai enam belas orang pelacur.

Terdapat sembilan tempat yang menjadi tumpuan pelacur bagi tahun 1937. Tempat-tempat tersebut ialah Lorong Kubur, Lorong Gajah Mati, Jalan Kedai Baru, Jalan Che Su, Lorong Tuar, Jalan Post Office Lama,²⁸ Jalan B.A., Jalan Tengku Chik dan Berek Dato' Mufti. Terdapat seramai tiga puluh empat orang pelacur di sembilan tempat yang telah disebutkan. Jadual di sebelah menunjukkan kawasan kegiatan pelacuran di Kota Bharu bagi tahun 1916, 1917, 1923 dan 1937.

²⁵ Jalan ini bermula dari persimpangan Jalan Tok Hakim dengan Jalan Seri Pekerma Raja di sebelah hilir menghala ke sebelah hulu hingga ke persimpangan Jalan Rest House, Jalan Wakaf Siku dan Jalan Hospital. Lihat peta 4, nombor 4.

²⁶ Jalan ini bersambung dengan Jalan Seri Pekerma dan menghala ke persimpangan Jalan Doktor dan Lorong Parit Dalam (Perhentian bas sekarang). Lihat peta 4, nombor 5.

²⁷ Jalan ini bersambung dengan Jalan Sultan dan menghala ke sebelah hulu bandar Kota Bharu dari persimpangan Jalan Tok Hakim hingga ke persimpangan Jalan Gajah Mati. Jalan Seri Maharaja ini sekarang menjadi sebahagian daripada Jalan Sultanah Zainab. Lihat peta 4, nombor 6.

²⁸ Jalan ini bermula dari persimpangan Jalan Atas Banggol menghala ke hulu sampai ke Jalan Wali Haji Che Mud (sekarang sebahagian daripada Jalan Post Office Lama) sempenan pejabat pos yang terdapat di situ. Pejabat pos ini ialah yang pertama di Kelantan dibina dalam tahun 1903 dan dirobohkan kira-kira tahun 1930an. Sekarang tapak bangunan pejabat ini menjadi sebahagian daripada Padang Merdeka di bahagian barat.

Jadual (3.3)
Kedudukan (kawasan kegiatan) pelacur di bandar Kota Bharu
bagi tahun 1916, 1917, 1923 dan 1937.²⁹

Kedudukan (kawasan)	1916	Tahun			Jumlah
		1917	1923	1937	
1-Lorong Kubur	-	-	-	11	11
2-Lorong Gajah Mati	3	-	1	4	8
3-Lorong Che Su	2	-	1	3	6
4-Balik Kota (Pasar Buluh Kubu sekarang)	-	5	1	-	6
5-Padang Garong	2	2	-	-	4
6-Jalan Kedai Baru	-	-	-	4	4
7-Jalan Tengku/Engku Chik	1	-	-	2	3
8-Jalan Tuan Besar	-	-	3	-	3
9-Lorong Tuar	-	-	-	3	3
10-Jalan Post Office Lama	-	-	-	3	3
11-Jalan B.A	-	-	-	3	3
12-Kampung Raja Kelantan	1	1	-	-	2
13-Kampung Tengku Bendahara	-	2	-	-	2
14-Kampung Sireh	-	2	-	-	2
15-Jalan Tengku Putra Semerak	-	-	2	-	2
16-Lorong Temenggung	-	-	2	-	2
17-Berek Raja Muda	-	2	-	-	2
18-Kampung Engku Merah	1	-	-	-	1
19-Lundang	-	1	-	-	1
20-Sungai Budur	-	1	-	-	1
21-Kampung Engku Besar Tuan Long Ahmad	-	1	-	-	1
22-Kampung Tengku Seri Pekerma Raja	-	-	1	-	1
23-Jalan Tok Hakim	-	-	1	-	1
24-Kampung Tengku Temenggung Lama	-	-	1	-	1
25-Kampung Seri Maharaja	-	-	1	-	1

²⁹ Sila lihat MAIK, 135/16, 43/17, 205/23 dan 342/37. Lihat juga lampiran (3.1),(3.2), (3.3) dan (3.4).

26-Lorong Dato' Muda	-	-	1	-	1
27-Sebelah Hulu Pasar (gudang)	-	-	1	-	1
28-Berek Dato' Mufti	-	-	-	1	-
JUMLAH	10	17	16	34	77

Jadual (3.3) menunjukkan terdapat seramai tujuh puluh tujuh orang menduduki di dua puluh lapan tempat yang telah disenaraikan di atas . Daripada sejumlah tujuh puluh tujuh orang yang ditangkap, seramai 11 orang beroperasi di Lorong Kubur. Jumlah ini bagi tangkapan tahun 1937. Pada tahun 1916, 1917 dan 1923 tiada tangkapan dilakukan di kawasan ini. Jumlah tangkapan di kawasan ini besar berbanding kawasan lain. Tempat ini menjadi tumpuan kegiatan pelacuran kerana kedapatan rumah pelacuran di sini. Di Hulu Lorong Kubur misalnya, Encik Mamat Mualaf telah menyewa rumah dan kemudian mengenakan sedikit bayaran bagi tujuan pelacuran. Sementara di sebelah Hilir Lorong Kubur pula telah disewa oleh Mek Yu bagi tujuan yang sama.³⁰

Lorong Gajah Mati turut merekodkan jumlah tangkapan yang besar. Pada tahun 1916, seramai tiga orang ditangkap, pada tahun 1923 seorang telah ditangkap dan pada tahun 1937 seramai empat orang ditangkap menjadikan jumlah keseluruhan seramai lapan orang. Ini bermakna hanya tahun 1917 sahaja kawasan ini bersih daripada sebarang tangkapan. Hal yang sama berlaku di kawasan Lorong Che Su. Pada tahun 1916 seramai dua orang ditangkap, tiada tangkapan dibuat pada tahun 1917, tetapi pada tahun 1923

³⁰ MAIK, 339/38, "Berkenaan dengan empat orang yang telah ditangkap pada 11/7/38 kerana keslahan berkhawat," hlm. 2.

seorang telah ditangkap dan tiga orang pada tahun 1937 menjadikan jumlah yang ditangkap seramai enam orang.

Kedua-dua kawasan iaitu Lorong Gajah Mati dan Lorong Che Su merupakan kawasan yang berpenduduk padat sejak peringkat awal lagi.³¹ Kedua-dua lokasi kawasan tersebut ialah di sepanjang Sungai Kelantan. Sudah menjadi kebiasaan di kawasan sungai akan menjadi tumpuan penduduk membina petempatan. Ini berkaitan dengan aktiviti penduduk ketika itu yang kebanyakannya menjalankan aktiviti pertanian dan perikanan. Kawasan yang menjadi tumpuan penduduk kebiasaannya mempunyai pelbagai kemudahan. Kedai kopi merupakan salah satu daripadanya.³² Pada kebiasaannya, untuk menarik ramai pelanggan ke kedai kopi, pemiliknya akan menggunakan perkhidmatan perempuan sebagai pelayan.³³

Di Balik Kota juga seramai enam orang telah ditangkap. Seramai lima orang telah ditangkap pada tahun 1917 dan seorang pada tahun 1923. Ini bermakna tiada tangkapan di kawasan ini pada tahun 1916 dan 1937.

Kawasan Padang Garong pula seramai empat orang telah ditangkap dan tangkapan tersebut ialah pada tahun 1916 dan 1917 iaitu masing-masing dua orang. Tiada tangkapan dibuat pada tahun 1923 dan 1937. Bagi kawasan Jalan Kedai Baru, pada tahun

³¹ Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh, "Bandar Kota Bharu: Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangannya", hlm. 93.

³² Di Lorong Gajah Mati dan Lorong Che Su kedapatan banyak kedai kopi. Kedai kopi memainkan peranan yang penting. Selain berperanan sebagai tempat makan atau minum, kedai kopi juga merupakan tempat bertemu janji dengan kenalan. Menurut Pak Chik Mail', beliau mengakui bahawa selain menjamu selera dengan makanan beliau juga dapat menjamu mata dengan melihat pelayan yang cantik dan manja. Oleh itu tidak menghairankan sekiranya seseorang itu "bersembang" di kedai kopi dari pagi sehingga larut malam. Hasil temubual penulis dengan salah seorang pelanggan pelacuran yang berumur 78 tahun dan dikenali dengan nama Pak Chik Mail'. Temubual pada 21hb. November, 1996, di Kota Bharu.

³³ Bukan semua pelayan kedai kopi menjadi pelacur namun masyarakat Kelantan sebelum Perang Dunia Kedua melihat seseorang perempuan itu sebagai "perempuan jahat" sekiranya mereka berada di dalam kedai kopi.

1916, 1917 dan 1923 tiada tangkapan dibuat. Walau bagaimanapun seramai empat orang telah ditangkap pada tahun 1937. Sementara itu seramai tiga orang telah ditangkap di kawasan Jalan Tengku atau Engku Chik. Tangkapan tersebut ialah seorang bagi tahun 1916 dan dua orang bagi tahun 1937. Seramai tiga orang juga ditangkap di Jalan Tuan Besar pada tahun 1923. Ini bermakna tiada tangkapan dibuat bagi tahun 1916, 1917 dan 1937.

Di kawasan Lorong Tuar, Jalan Post Office Lama³⁴ dan Jalan B.A. pula masing-masing tiga orang pelacur ditangkap pada tahun 1937. Walau bagaimanapun di ketiga-tiga kawasan ini tiada tangkapan dilakukan bagi tahun 1916, 1917 dan 1923. Kawasan Lorong Tuar' sering menjadi tempat serbuan pihak berkuasa seperti MAIK dan polis. Ini disebabkan di kawasan berkenaan terdapat rumah pelacuran. Penangkapan ke atas Owi Seng s/o Owi Pen telah membuktikan hal ini. Owi Seng telah ditangkap dan didakwa memajukan rumah pelacuran dengan menyewakan bilik-bilik yang terdapat di dalam gudangnya bagi tujuan pelacuran.³⁵ Di Jalan Post Office Lama seperti juga Lorong Tuar' wujud juga rumah pelacuran di sini. Tangkapan ke atas ibu ayam yang bernama Mek Boo telah membuktikan akan hal ini.³⁶

³⁴ Lokasi Lorong Tuar' (Lorong Che Kadir) dan Jalan Post Office Lama terletak di kawasan yang tidak berapa jauh jaraknya.

³⁵ MAIK, 338/38, "Berkenaan dua orang telah ditangkap semalam 13/7/38 pasal kesalahan berkhalwat iaitu Mek Som di gudang Lorong Kadir diminta majlis dakwa di atas kesalahan itu," hlm. 3.

³⁶ Penulis mengandaikan Jalan Post Office yang dimaksudkan oleh Abdul Mutualib Hj. Mohd. Zin merupakan tempat yang sama dengan Jalan Post Office lama. Ini kerana penulis tidak pasti perbezaan di antara jalan Post Office dan Jalan Post Office Lama. MAIK, 156/38, Menerangkan ada sebuah rumah dua lapis Wakaf Siku mukim Langgar ada berhimpun perempuan-perempuan bujang yang menjadi bising kepada orang yang berhampiran dengan rumah itu diminta supaya dipadamkan perbuatan dan kelakuan perempuan-perempuan itu kerana kehadiran yang membawa keluahan yang melanggar hukum agama dan lain-lain," hlm. 1. Lihat juga keterangan mengenai rumah pelacuran ini di halaman 66 dalam bab kedua.

Di kawasan Kampung Raja Kelantan dua tangkapan dilakukan iaitu seorang pada tahun 1916 dan seorang lagi pada tahun 1917. Tiada tangkapan dibuat bagi tahun 1923 dan 1937. Bagi Kampung Tengku Bendahara dan Kampung Sireh masing-masing dua tangkapan dilakukan pada tahun 1917. Sementara tiada tangkapan dibuat pada tahun 1916, 1923 dan 1937. Di kawasan Jalan Tengku Putera Semerak dan Lorong Temenggung tiada tangkapan dibuat bagi tahun 1916, 1917 dan 1937. Masing-masing dua orang berjaya ditangkap di kedua-dua kawasan bagi tahun 1923. Di Berek Raja Muda seramai dua orang pelacur berjaya ditangkap pada tahun 1917.

Kawasan Kampung Tengku atau Engku Merah seorang telah ditangkap pada tahun 1916. Sementara itu di kawasan Lundang, Sungai Budur dan Kampung Engku Besar Tuan Long Ahmad juga masing-masing seorang telah ditangkap pada tahun 1917. Masing-masing seorang telah ditangkap pada tahun 1923 bagi kawasan Kampung Tengku Seri Pekerma Raja, Jalan Tok Hakim, Kampung Tengku Temenggung Lama, Kampung Seri Maharaja, Lorong Dato' Muda dan sebelah Hulu Pasar. Sementara itu pada tahun 1937 seorang telah ditangkap di Berek Dato'Mufti.

Daripada dua puluh lapan kawasan yang dikenalpasti sebagai tempat kegiatan pelacur hanya beberapa kawasan sahaja yang betul-betul masyhur. Kawasan tersebut ialah Lorong Kubur, Lorong Gajah Mati, Lorong Che Su, Balik Kota dan Padang Garong. Di Lorong Gajah Mati dan Lorong Che Su misalnya terdapat tangkapan dilakukan pada tahun 1916, 1923 dan 1937. Sementara Balik Kota pula tangkapan dilakukan pada tahun 1917 dan 1923 dan Padang Garong pada tahun 1916 dan 1917. Kawasan Lorong

Kubur walaupun pertama kali tangkapan dilakukan namun jumlah yang ditangkap adalah besar.

Kampung Engku Merah terdapat tangkapan hanya tahun 1916 sahaja. Pada tahun 1917, 1923 dan 1937 tiada tangkapan dibuat di kawasan ini. Apa yang dapat diandaikan ialah kemungkinan pelacur telah berpindah ke kawasan baru. Pada tahun 1917 kelihatan muncul beberapa kawasan baru seperti Berek Raja Muda, Kampung Tengku Bendahara, Kampung Sireh, Lundang, Kampung Raja, Sungai Budur dan Kampung Engku Besar Tuan Long Ahmad. Namun begitu kawasan-kawasan ini juga tidak lagi ‘popular’ selepas itu kerana pada tahun 1923 muncul pula beberapa kawasan baru seperti Jalan Tuan Besar, Jalan Tengku Putera Semerak, Lorong Temenggung, Kampung Tengku Seri Pekerma Raja, Jalan Tok Hakim, Kampung Tengku Temenggung Lama, Kampung Seri Maharaja, Lorong Dato’ Muda dan Sebelah Hulu Pasar.

Keadaan yang sama berlaku pada tahun 1937. Banyak kawasan baru muncul pada tahun ini. Antaranya Lorong Kubur, Jalan Kedai Baru, Lorong Tuar, Jalan Post Office Lama, Jalan B.A. dan Berek Dato’ Mufti. Tempat yang paling digemari bagi tahun ini ialah Lorong Kubur. Walau pun pertama kali tempat ini direkodkan namun jumlah tangkapan yang dibuat di kawasan ini adalah besar iaitu seramai sebelas orang.

Apa yang jelas setiap kali serbuan dan tangkapan dibuat kawasan tersebut bersih seketika. Namun begitu beberapa kawasan muncul kembali tetapi kebanyakannya muncul kawasan baru yang menggantikan kawasan yang telah disenarai hitamkan. Keadaan ini berlaku disebabkan pelacur berpindah pula ke kawasan baru apabila mendapati kegiatan mereka telah terganggu.

Secara umumnya, kawasan-kawasan di atas menjadi tumpuan kerana beberapa fungsi yang dimainkannya. Di zaman permulaannya, Kota Bharu merupakan sebuah bandar yang kecil lagi sempit kawasannya, mungkin didiami oleh antara 3,000 hingga 5,000 orang sahaja. Terdapat tiga kawasan penting dan agak penuh sesak didiami orang di Kota Bharu. Pertama di kawasan hilir bandar Kota Bharu yang meliputi Kampung Masjid dan Kubang Pasu atau dikenali sebagai Balik Hilir. Kedua kawasan Hulu yang meliputi Jalan Haji Che Su (Kampung Gajah Mati) dan Jalan Tok Hakim sekarang ini. Ketiga ialah pusat perniagaan dan pasar Kota Bharu mula-mulanya terletak di kawasan tepi sungai Kelantan kira-kira di sekitar Taman Sekebun Bunga sekarang ini (di sebelah hilir panggung Lido sekarang).³⁷

Perbincangan di atas menunjukkan kawasan yang kedapatan rumah pelacuran dan kedai kopi adalah antara kawasan yang tinggi penangkapan ke atas pelacur. Selain kedua-dua faktor ini, di kawasan-kawasan kota istana juga turut menjadi tumpuan penduduk. Di kawasan hulu Kota Bharu misalnya banyak kota-kota istana dibina antaranya ialah Kota Temenggong, Kota Tengku Seri Pekerma, Kota Tengku Seri Maharaja, Kota Tengku Merah dan Kota Bendahara.³⁸ Pembinaan kota istana ini sedikit sebanyak telah menarik minat penduduk untuk membuat penempatan di sekelilingnya kerana di sini kedapatan pelbagai kemudahan. Kawasan kota-kota istana ini turut tercatat sebagai tempat kegiatan pelacuran. Walaupun jumlahnya kecil berbanding penduduk keseluruhan namun kewujudan kegiatan ini di kawasan berkenaan sukar dinafikan.

³⁷ Lihat Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh, "Bandar Kota Bharu: Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangannya," hlm. 93.

³⁸ Ibid., hlm. 97.

Selain itu bandar Kota Bharu mengalami banyak perubahan di zaman pentadbiran British khususnya di sekitar tahun 1909 sehingga 1941. Dalam tempoh tersebut banyak pejabat-pejabat telah dibina. Pejabat-pejabat tersebut ialah Pejabat Jajahan, Tanah dan Bandar, Pos dan Telegraf, Mahkamah, Ibu Pejabat Polis Kelantan, Jabatan Kerja Raja (Kampung Puteh) dan Hospital Besar.³⁹ Pembinaan pejabat-pejabat ini memberi peluang pekerjaan dan urusan pentadbiran. Dengan itu ia menjadi tumpuan masyarakat dari berbagai lapisan.

Selain bangunan-bangunan pejabat banyak bangunan-bangunan kedai telah didirikan. Tumpuan pembinaannya ialah di Jalan Sultanah Zainab, Jalan Tok Hakim, Jalan Temenggong, Jalan Tengku Petra Semerak dan di sekitar Pasar Besar.⁴⁰ Dengan bertambahnya bangunan-bangunan kedai ini telah menambahkan lagi kerancakan aktiviti perniagaan di Kota Bharu. Ia dengan itu memberi peluang pekerjaan kepada orang ramai. Oleh yang demikian tidaklah menghairankan jika kawasan-kawasan tersebut menjadi tumpuan penduduk. Hasil tangkapan menunjukkan bahawa Jalan Tok Hakim, Jalan Temenggong dan Jalan Tengku Petra Semerak tercatat sebagai tempat kegiatan pelacuran.

Huraian di atas menunjukkan bahawa bandar Kota Bharu menjadi tumpuan kerana fungsi yang dimainkannya sebagai pusat pemerintahan dan pentadbiran, pusat tumpuan kegiatan ekonomi khususnya perniagaan serta kedapatan pelbagai kemudahan. Ini menggalakkan orang ramai bertumpu ke Kota Bharu. Maka perkhidmatan yang bersifat hiburan seperti pelacuran tidak dapat tidak muncul sebagai sampingan kepada kehendak manusia.

³⁹ Ibid., hlm. 102.

⁴⁰ Ibid.

Selain dari kawasan yang tertentu di Kota Bharu, terdapat juga kegiatan pelacuran yang berlaku di kawasan-kawasan lain terutama di rumah-rumah persendirian yang terletak di luar dari kawasan-kawasan di atas. Daripada tangkapan yang dibuat lima puluh dua perpuluhan empat (52.4%) peratus sahaja yang jelas melakukan kegiatannya di kawasan-kawasan di atas. Sementara tujuh puluh dua orang lagi atau empat puluh tujuh perpuluhan enam (47.6%) peratus tidak mempunyai kawasan tetap ; mereka beroperasi di kawasan-kawasan terpencil iaitu di rumah persendirian. Maklumat yang dicatitkan juga sangat terhad. Terdapat seramai dua belas orang tinggal di rumah persendirian pada tahun 1916.⁴¹ Di rumah Hitam terdapat seramai enam orang dan di rumah Mas seramai dua orang.⁴² Empat orang lagi masing-masing di bela oleh Kar Kui Chi, China Hing, China Ah Poo dan Nara Raja Hospital. Jadual (3.4) menunjukkan rumah persendirian yang menjadi kawasan kegiatan pelacuran pada tahun 1916.

Jadual (3.4)
Rumah persendirian yang menjadi kawasan kegiatan pelacur pada tahun 1916.⁴³

Di rumah persendirian	Jumlah
Mak Hitam	6
Mas	2
Encik Kar Kui Chi	1
China Hing	1
China Ah Poo	1
Nara Raja Hospital	1
Jumlah	12

⁴¹ Lihat MAIK, 135/16, op.cit., hlm. 1 dan 2.

⁴² Kedua-duanya adalah barua, Hitam umpamanya pernah dipanggil oleh pihak MAIK kerana kegiatannya sebagai barua.

⁴³ Lihat MAIK, 135/16, op.cit., hlm. 1 dan 2.

Terdapat beberapa andaian mengenai kegiatan pelacuran di rumah persendirian. Pertama mungkin kerana pelacur berkenaan menjadi perempuan simpanan atau taukeh mendapat keuntungan atau hasil daripada kegiatannya sebagai bapa ayam. Kemungkinan juga untuk mengelakkan daripada dikesan oleh pihak polis atau terpaksa membayar cukai kedai atau sewa kedai dan sebagainya.

Pada tahun 1917 terdapat seorang pelacur di rumah Hajah Jamilah.⁴⁴ Sementara itu seramai lima puluh sembilan orang lagi tidak dapat dipastikan kawasan kegiatan mereka kerana beberapa sebab antaranya tidak diberitahu,⁴⁵ tidak jelas⁴⁶ dan tidak tetap tempat duduk (kawasan kegiatan).⁴⁷ Mereka bergerak secara persendirian atau ia, sebagai pekerjaan sementara sahaja atau sambilan.

Selain daripada tiga puluh tempat yang telah disenaraikan terdapat beberapa lagi kawasan yang dikenalpasti. Antaranya ialah Jalan Langgar⁴⁸ dekat Wakaf Siku,⁴⁹ dan Jalan Masjid yang terletak di kawasan hilir bandar Kota Bharu yang lebih dikenali dengan

⁴⁴ Lihat MAIK, 43/17, op.cit., hlm. 17.

⁴⁵ Pada tahun 1916 seramai 13 orang , pada tahun 1917 pula seramai 21 orang dan pada tahun 1923 seramai dua orang. Keseluruhannya seramai 36 orang tidak memberitahu kawasan kegiatan mereka.

⁴⁶ Tidak jelas di sini merujuk kepada tulisan dan makna atau maksud. Pada tahun 1916 terdapat seramai 9 orang. Pada tahun 1917 seramai 6 orang dan pada tahun 1923 seramai 7 orang. Kesemuanya berjumlah 22 orang.

⁴⁷ Pada tahun 1923 terdapat seorang yang tidak tetap tempat duduk.

⁴⁸ Jalan Langgar bermula dari persimpangan Jalan Wakaf Siku dan Jalan Wakaf Che Yeh. Jalan Langgar menghala terus ke kampung Langgar yang merupakan satu perkampungan lama di mana terdapat pula tanah perkuburan di Raja Kelantan yang dikenali dengan panggilan “Langgaran Raja”.

⁴⁹ Lihat MAIK, 342/37, op.cit., hlm. 1 dan 2.

nama Kampung Masjid. Di sini terdapat tiga orang ibu ayam iaitu Che Bidah, Zainab dan Halimah.⁵⁰

Lorong Kotak (terletak di belakang hotel Temenggong sekarang) misalnya amat ‘popular’ sejak sebelum Perang Dunia Kedua. Di lorong ini terdapat gudang dua tingkat. Di bahagian bawah merupakan tempat membuat kotak atau keranda Cina. Sementara di tingkat atas disediakan tempat persundalan. Sewa menggunakannya dikenakan sebanyak 50 sen. Selain itu rumah Ku Biru, di Jalan Pengkalan Chepa turut menyediakan tempat untuk kegunaan kegiatan pelacuran dengan mengenakan bayaran sebanyak seringgit.⁵¹ Di jalan Hamzah, tempat yang terkenal dengan kegiatan pelacuran ialah di “Dalam Sor” (tapak Pasar Borong sekarang).⁵²

Tempat-tempat lain ialah di Lorong Syed Hussein,⁵³ Kampong Pak Nik Kob, Kampung Panglima Dalam Kemumin, Kampung Nik Seri Paduka dan Banggol⁵⁴

⁵⁰ Ibid. Tidak ada sebarang kenyataan berkenaan dengan ketiga-tiga orang ibu ayam ini. Oleh yang demikian tidak diketahui sebab-sebab mereka menjadi ibu ayam serta aktiviti mereka sebagai ibu ayam. Cuma penulis dapat mengandaikan sekurang-kurangnya kedapatan tiga orang pelacur di bawah jagaan ketiga-tiga orang barua ini kerana mustahil ada seorang sahaja pelacur sedangkan baruanya sampai tiga orang.

⁵¹ Temubual dengan seorang pelanggan yang dikenali sebagai Pak Chik Mail di Kota Bharu pada 21hb. November, 1996. Beliau berusia 78 tahun dan mula melanggani pelacur sejak berusia 19 tahun. Beberapa tempat yang disebutkan di atas amat popular.

⁵² Di Jalan Hamzah masih wujud kegiatan tersebut sehingga kini. Namun begitu di tempat-tempat lain yang disebutkan di atas penulis tidak menemui sebarang bukti yang menunjukkan tempat tersebut masih wujud kegiatan pelacuran pada masa kini. Semasa penulis meninjau tapak “Dalam Sor” (Jalan Hamzah) pada 12hb. November, 1996, kawasan tersebut kerap diserbu dan seminggu sebelum itu tempat tersebut telah dibersihkan. Bangsal-bangsal telah dirobohkan. Menurut pekerja Majlis Perbandaran Kota Bharu semasa merobohkan bangsal-bangsal tersebut mereka hanya menemui baldi dan gayung sahaja.

⁵³ Lihat kenyataan Mek Som binti Mat Ali di lampiran (4.1). Lihat juga MAIK 338/38.

⁵⁴ Lihat kenyataan Embun binti Mat Hassan, Che Jah binti Che Ibrahim, Selamah binti Jenal dan Aishah binti Labuh di lampiran (4.1).

serta di kawasan berhampiran panggung Sekebun Bunga (di sebelah hilir panggung Lido sekarang).⁵⁵

Selain di Kota Bharu, di jajahan lain juga dikenalpasti terdapatnya kegiatan pelacuran. Jajahan-jajahan tersebut ialah Tumpat, Pasir Mas, Pasir Putih, Ulu Kelantan dan Bachok.⁵⁶ Di Kampung Dalam Tumpat, umpamanya tiga orang pelacur telah ditangkap.⁵⁷

Huraian di atas menunjukkan kegiatan pelacuran yang tinggi wujud di jajahan Kota Bharu berbanding dengan jajahan-jajahan lain. Ini didasarkan kawasan kegiatan yang direkodkan di bandar Kota Bharu.

Pelanggan

Sesuatu kegiatan pelacuran tidak akan berlaku sekiranya tidak ada pelanggan.⁵⁸ Pelanggan akan bertindak sebagai orang yang meminta perkhidmatan

⁵⁵ Temubual dengan Pak Chik Mail di Kota Bharu pada 21hb. November, 1996.

⁵⁶ Sebab-sebab jajahan ini menjadi tumpuan pelacur telah dibincangkan di dalam bab kedua halaman 49-60.

⁵⁷ Lihat kenyataan Tuan Yam binti Tuan Sulong, Munah binti Deris dan Munah binti Ahmad di lampiran (4.1).

⁵⁸ Perbincangan mengenai pelanggan dibuat berdasarkan pengakuan daripada tiga puluh satu orang pelanggan. Dua belas orang daripada pelanggan diambil kenyataannya semasa memberikan keterangan setelah ditangkap oleh pihak MAIK. Lihat fail MAIK, 389/20, 99/21, 319/21, 325/21, 6/22, 572/37, 338/38 dan 339/38. Lihat juga lampiran (3.6). Sembilan belas orang pelanggan lagi diperolehi kenyataannya berdasarkan temubual penulis. Temubual dibuat kerana kenyataan yang diberikan hasil tangkapan MAIK adalah tidak memuaskan iaitu mereka tidak memberitahu sebab-sebab mereka menjadi pelanggan sebaliknya lebih kepada usaha membela diri bagi mengelakkan dari dijatuhkan hukuman. Untuk mengenalpasti sebab-sebab ini penulis telah mengadakan temubual dengan sembilan belas orang yang berusia di antara 66 hingga 81 tahun. Lima belas orang daripada mereka mengakui pernah melanggani pelacur. Kerana sebab-sebab tertentu penulis terpaksa merahsiakan nama sebenar dan menggunakan nama samaran. Penulis hanya mengambil kenyataan responden tertentu sahaja kerana secara keseluruhannya pendapat mereka lebih kurang sama sahaja. Dengan kata lain ulasan dibuat secara keseluruhan kerana pendapat yang diberikan lebih kurang sama.

sementara pelacur memainkan peranan sebagai orang yang menawarkan perkhidmatan. Terdapatnya hubungan dua hala antara pelanggan dan pelacur.

Jika dilihat kepada komposisi bangsa , wanita tempatan bukan sahaja melayani orang-orang Melayu bahkan juga orang-orang bukan Melayu. Menurut sebuah rencana,

...perempuan-perempuan bangsa kita yang malang itu hidup dengan jalan mencari rezeki perniagaan yang tidak bermodal dan bersusah payah itu semata-mata menjatuhkan mutu kemuliaan nama bangsa dan ugama kita, kemalangan nasib mereka itu tidak memadai dengan tanggungan kermaluan yang menimpa ke batang leher laki-laki dan perempuan daripada pimpinan-pimpinan kita tetapi kermaluan itu merebak menerusi daripada sebab-sebab perempuan sundal itu disimpan atau menjadi perempuan simpanan bangsa-bangsa asing pula.⁵⁹

Di jajahan Ulu Kelantan misalnya terdapat ramai pelacur yang menerima pelanggan keturunan Cina.⁶⁰ Tempat perhubungan pelacur - pelanggan ini ialah di kawasan-kawasan estet.⁶¹ Pelacur ini bertumpu di kawasan estet kerana digalakkan oleh tuan punya atau pengurus estet sebagai satu jalan untuk meramaikan kuli-kuli atau pekerjanya. Selain itu mereka juga akan berada di mana-mana bilik Cina dan setiap bandar yang ada hotel. Ini kerana tempat-tempat ini menyediakan kemudahan untuk pelacur dan pelanggan.

⁵⁹ "Sundal", dalam Al-Hikmah, Bil. 294, tahun 6, 22/2/40, hlm. 17.

⁶⁰ Hal ini dinyatakan oleh Tuan Haji Kechik, Kadi jajahan Ulu Kelantan. Lihat MAIK, 188/16, "Berkenaan perempuan-perempuan jahat dalam jajahan Ulu Kelantan," hlm. 4.

⁶¹ Ibid.

Selain di jajahan Ulu Kelantan, di Kota Bharu juga terdapat ramai pelacur menerima pelanggan keturunan Cina kerana seperti di Ulu Kelantan, di sini juga banyak terdapat hotel dan rumah tumpangan yang menyediakan kemudahan perhubungan untuk pelacur dan pelanggannya.⁶²

Selain pelanggan berbangsa Cina pelacur juga mengadakan hubungan dengan pelanggan keturunan India dan Ceylon. Di jajahan Pasir Putih misalnya, perempuan Melayu ini bersekedudukan dengan orang-orang bukan Melayu seperti Cina, Keling dan Ceylon sehingga beranak pinak. Ini sebagaimana dinyatakan oleh Dato' Isa bin Awang, Nik Busu Nik Yih dan Haji Wan Musa Haji Wan Daud di dalam suratnya kepada Dato' Mufti.⁶³ Antara pelacur yang terkenal kerana menjalinkan hubungan dengan lelaki bukan Melayu ialah Mek Som Mak Yong, Mariam Linggang, Minah, Sadiah dan Siti.⁶⁴

Kenyataan di atas menunjukkan bahawa pelacur-pelacur Melayu ini mendapat pelanggan bukan Melayu di tempat-tempat seperti estet,⁶⁵ hotel dan rumah

⁶² Lihat MAIK, 14/27, "Minta kuasa daripada majelis menangkap perempuan jahat yang berkhalwat di hotel dan di rumah tumpangan sunyi di dalam bandar Kota Bharu," hlm. 1. Berkenaan hotel dan rumah tumpangan sila lihat fail MAIK nombor, 339/20, 198/21, 124/22, 58/23, 141/23 dan 155/25.

⁶³ Penulis tidak mengetahui identiti ketiga-tiga orang ini kerana tiada sebarang kenyataan mengenai mereka. Lihat MAIK, 115/32, "Menghantar report daripada Esah binti Awang serta dua kawannya menyatakan di surau darat Bachok orang tidak hirau berjumaat dan melakukan menular seperti perempuan bersekedudukan dengan China dan lain-lain," hlm. 1.

⁶⁴ MAIK, 67/22, "Darihal perempuan jahat di Tanah Merah dengan Cina dan Keling duduk berkhalwat terlampaui seperti binatang," hlm. 1.

⁶⁵ Lihat MAIK, 188/16, op.cit., hlm. 4.

tumpangan.⁶⁶ Selain itu, gudang⁶⁷ juga menjadi tempat yang popular untuk aktiviti ini.

Terdapat juga yang memilih rumah berhampiran stesyen keretapi⁶⁸ dan di rumah loteng.⁶⁹

Daripada enam orang pelanggan bukan Melayu yang ditangkap,⁷⁰ tiga orang daripadanya iaitu pelanggan yang bernama Kim Tak, Awang anak Kang dan Ali Thambi Hindu mengaku mengenali pasangannya. Kim Tak misalnya menyatakan bahawa beliau sememangnya suka dengan pasangannya dan berhajat untuk memeluk Islam bagi membolehkannya berkahwin dengan pasangannya. Awang anak Kang juga menyatakan hal yang sama iaitu beliau ingin memeluk Islam bila mempunyai cukup wang untuk membolehkan beliau berkahwin dengan pasangannya. Beliau mengakui telah dua hingga tiga bulan “bermain” dengan pasangannya di Lorong Abdul Kadir. Selain Kim Tak, Ali Thambi Hindu juga mengakui bahawa beliau telah pun bersekedudukan dengan pasangannya lebih daripada setahun yang lalu. Berbeza dengan Lee Sim Tue s/o Lee Sue,

⁶⁶ Haji Wan Mohd. bin Haji Wan Ahmad Kota Bharu telah memohon kuasa daripada MAIK untuk menangkap perempuan jahat (pelacur) yang “bermain” dengan Cina dan lain-lain di hotel dan rumah tumpangan. Lihat MAIK, 14/27, op.cit., hlm. 1. Lihat juga fail MAIK, 155/25, 124/22, 141/23, 198/21, 339/20 dan 58/23.

⁶⁷ Menurut Haji Salleh bin Ahmad iaitu kerani zakat MAIK, lebih kurang pukul 11.30 malam beliau bersama-sama dengan Encik Harun Encik Leh telah menangkap seorang perempuan jahat bernama Mariam Bongkok kerana “bermain” dengan Cina di dalam sebuah rumah gudang. Lihat MAIK, 389/20, “Report ia tangkap seorang perempuan jahat nama Mariam berkhalwat dengan seorang budak Cina ditangkap di rumahnya”, hlm. 1. Lihat juga fail MAIK, 302/20 dan 91/21 bagi pelanggan berbangsa Cina dan 337/38 dan 99/21 bagi pelanggan berbangsa India.

⁶⁸ Menurut Imam Haji Mamat beliau telah menangkap tiga pasangan perempuan Melayu “bermain” dengan Hindu di kawasan yang berasingan berhampiran stesyen keretapi. Pertama di rumah keretapi berhampiran stesyen, di rumah batu keretapi dan di tengah jalan iaitu daripada rumah batu berhampiran dengan tempat tersebut. Sila lihat MAIK, 295/22, “Hantar tiga kelamin perempuan jahat yang telah ditangkap oleh Imam Haji Mamat pada malam 29/9/22”, hlm. 1. Lihat juga MAIK, 99/21, hlm. 2.

⁶⁹ Rumah “loteng” merujuk kepada rumah dua tingkat. Sila lihat MAIK, 338/22, “Report telah tangkap perempuan jahat bernama Aishah binti Jusoh yang berkhalwat dengan China Siang di Kampung China pada malam 6/11/22 wakaf pukul 12.30”, hlm. 1. Lihat juga MAIK, 319/21, hlm. 1. dan MAIK, 572/37, hlm. 1.

⁷⁰ Lihat kenyataan pelanggan bukan Melayu iaitu Kim Tak, Awang anak Kang, Ah Seng China Hailam, Tan Ah Tong s/o Tang Sing, Lee Sim Tue s/o Lee Sue dan Ali Thambi Hindu di lampiran (3.5). Semua kenyataan ini diambil semasa tangkapan dilakukan oleh pihak MAIK.

beliau tidak mengenali pasangan yang “berjahat” dengannya semasa ditangkap. Namun begitu beliau mengaku “berjahat” dengan perempuan tersebut sekali sahaja dan belum lagi membayar upahnya ketika ditangkap.

Lari daripada membayar upah telah menyebabkan pelacur bertindak mengambil barang-barang yang ditinggalkan pasangannya sebagai cagaran. Ini berlaku di dalam kes Tan Ah Tong s/o Tang Sing. Beliau telah melaporkan kepada pihak polis kerana kehilangan dua helai pakaian, yang didakwanya dicuri oleh seorang perempuan yang bernama Jenab. Beliau mengaku mengenali perempuan ini dan menyatakan perempuan ini tinggal di Lorong Kubur dan menjadi “sundal”. Namun begitu beliau menafikan “berjahat” dengan perempuan ini. Walau bagaimanapun hasil pengakuan perempuan ini, menunjukkan bahawa Tan Ah Tong ini berbohong dan beliau sebenarnya telah lari daripada membayar upah setelah berjahat dengannya. Sebagai gantinya beliau telah mencuri dua helai baju Tan Ah Tong. Selain itu Ah Seng China Hailam juga tidak mengaku mengenali perempuan yang dituduh dengannya sebaliknya beliau menafikan bahawa semasa tangkapan hanya beliau seorang sahaja di dalam kedai kopi miliknya.

Selain daripada dilanggani oleh bangsa asing, mereka juga dilanggani oleh lelaki Melayu. Kebanyakan pelanggan Melayu terdiri daripada mata-mata dan warder.⁷¹ Mungkin ada juga yang bekerja dalam bidang lain, tetapi tidak terdapat sebarang maklumat mengenai mereka. Keadaan ini agak berbeza dengan pelanggan bukan Melayu.

⁷¹ Lihat MAIK, 358/22, 22/24, 187/19, 221/32 dan 25/21.

Pelanggan berbangsa Cina misalnya terdiri daripada tukang emas⁷² dan pemilik kedai kopi.⁷³ Bagi pelanggan India pula, mereka bekerja sebagai pengutip tiket keretapi⁷⁴ dan kerani besar.⁷⁵ Selain itu kegiatan pelacuran yang berlaku di kawasan estet kebanyakannya dilanggani oleh pelanggan yang bekerja sebagai buruh.⁷⁶

Kebiasaannya aktiviti antara pelacur dan pelanggan berbangsa Melayu dilakukan di tempat seperti di dalam berek.⁷⁷ Keadaan ini berlaku kerana kebanyakan pelanggan terdiri daripada mata-mata. Selain itu terdapat yang ditangkap di rumah pasangan(lelaki) seperti di bangsal kecil.⁷⁸ Terdapat juga yang ditangkap di dalam rumah

⁷² Lihat MAIK, 155/25, “Berkenaan dengan menangkap dua kelamin perempuan yang berkhalwat di dalam bandar Kota Bharu”, hlm. 1.

⁷³ Lihat MAIK, 325/21, “Berkenaan dengan menangkap lima kelamin perempuan jahat di Tumpat pada 22/9/21 waktu pukul 11.30 malam”, hlm. 11.

⁷⁴ MAIK, 99/21, “Report seorang hendakkan mengutip tiket keretapi berkhalwat dengan seorang perempuan yang telah ditangkap malam 7/3/21 pada pukul 1 pagi”, hlm. 1.

⁷⁵ Lihat MAIK, 108/24, “Report yang telah tangkap perempuan jahat yang berkhalwat di Kuala Krai pada Jumaat 3/4/24 serta minta bawa bicara di Kota Bharu”, hlm. 1.

⁷⁶ Pengurus ladang dalam usaha untuk menarik minat pekerjanya telah menggalakkan pelacur untuk menjalankan aktiviti pelacuran di kawasan estet. Lihat MAIK, 188/16, op.cit., hlm. 4.

⁷⁷ Menurut Mek Chik binti Mamat, beliau tinggal di berek Haji Taib Padang Garong dengan menyewa sebanyak tiga ringgit sebulan. Beliau tinggal di situ lebih kurang tiga tahun. Beliau ditangkap pada 2/3/27 atas tuduhan memelihara perempuan “bujang”. Semasa ditangkap beliau bersama-sama dengan dua orang perempuan “bujang” lain. Lihat MAIK, 83/27, “Hantar sekelamin perempuan yang berkhalwat yang ditangkap di berek 6/3/27”. Lihat juga fail MAIK, 22/24.

⁷⁸ Rumah bangsal juga dijadikan tempat untuk kerja-kerja maksiat. Menurut Encik Hassan Peguam Majlis beliau telah menangkap “perempuan jahat” iaitu Che Mas binti Mamat dengan mata-mata Mahmud di sebuah rumah bangsal kecil yang terletak di sebelah matahari jatuh di Jalan Tengku Seri Pekerma Raja. Lihat MAIK, 358/22, op.cit., hlm. 1.

rakit⁷⁹ dan di atas kapal.⁸⁰ Penangkapan di dua tempat ini menunjukkan ada kaitannya dengan pekerjaan sebagai buruh, kelasi atau nelayan.

Setelah ditangkap pelbagai alasan dikemukakan oleh pelanggan Melayu ini.⁸¹ Antaranya mereka menyatakan ingin berkahwin dengan pasangannya. Hal ini dinyatakan oleh Mamat bin Jenal, Awang Lah bin Awang dan Encik Mat bin Ali. Bagi Mamat bin Jenal beliau menyatakan bahawa beliau ingin berkahwin dengan pasangannya namun ketika ini pasangannya masih di dalam edah. Keinginan yang sama dinyatakan oleh Awang Lah bin Awang. Menurut beliau semasa ditangkap beliau berbincang bersama pasangannya untuk mendapatkan wali bagi mewalikan perkahwinan mereka. Begitu juga dengan Encik Mat bin Ali beliau menyatakan ingin berkahwin dengan pasangannya bila keadaan mengizinkan. Bagi pelanggan Yaakub bin Salleh pula beliau ingin rujuk kembali dengan bekas isterinya. Semasa ditangkap keempat-empat pelanggan ini berada di dalam bilik berdua-dua dengan pasangannya.

⁷⁹ Menurut Imam Tua Surau Pekan iaitu Wan Ahmad, beliau telah menangkap “perempuan jahat” yang bernama Saadiyah binti Salleh dengan pasangannya Wan Hamat Wan Latif pada pukul 11.00 malam, pada 27/12/1925. Semasa ditangkap kedua-duanya berada di dalam rumah rakit di tepi sungai Pasir Pekan. Lihat MAIK, 203/25, “Hantar dua orang salah pada berkhalwat itu tangkap oleh Imam Wan Mohd. Surau Pekan pada malam 27/12/25,” hlm. 2.

⁸⁰ Menurut Imam Yaakub beliau telah menyerahkan dua orang salah iaitu Embun binti Mansur dari Kampung Pasir Mas dengan pasangannya Wan Sulaiman bin Wan Musa dari Tanah Merah. Kedua-duanya ditangkap di dalam kapal Perkaya dan semasa ditangkap mereka sedang tidur bersama. Lihat MAIK, 256/23, “Pasal tangkap sekelamin perempuan yang berkhalwat di dalam kapal di Tanah Merah pada pukul 10 malam 27/10/23,” hlm. 1.

⁸¹ Sila lihat kenyataan pelanggan Melayu iaitu Mamat bin Jenal, Awang Lah bin Awang, Encik Him bin Encik Man, Yaakub bin Salleh, Encik Mat bin Ali dan Che Mat bin Che Soh di lampiran (3.5). Kenyataan enam orang pelanggan Melayu ini diambil semasa tangkapan dilakukan oleh pihak MAIK. Selain itu penulis telah mengadakan temubual dengan 19 orang yang berusia di antara 66 hingga 81 tahun. Keterangan mereka dipakai kerana pengakuan mereka adalah relevan dengan kajian. Pertama, responden mengakui bahawa mereka pernah melanggani pelacur. Berdasarkan pengakuan mereka penulis dapat membuat analisis untuk mengenalpasti sebab-sebab mereka gemar melanggani pelacur. Selain itu responden ini kebanyakannya adalah pelanggan tetap iaitu mereka pernah melanggani pelacur semenjak sebelum Perang Dunia Kedua dan beberapa orang daripada mereka masih meneruskannya sehingga kini.

Encik Him bin Encik Man pula menyatakan yang hubungan beliau dengan pasangannya seperti adik beradik. Semasa ditangkap beliau tidur berdekatan dengan pasangannya. Pelanggan ini membuat pengakuan “tidak ingin atau tidak mahu bermain muda lagi” dan ini dapat dijadikan alasan bahawa beliau juga pernah melanggani pelacur. Beliau juga boleh dituduh bersubahat kerana semasa ditangkap di dalam rumahnya terdapat dua pasangan lain. Ada kemungkinan, rumahnya dijadikan tempat kegiatan pelacuran.

Pengakuan Che Mat bin Che Soh, berbeza jika dibandingkan dengan pelanggan sebelumnya. Ini kerana beliau mengakui telah “tidur” dengan perempuan yang tidak dikenalinya di Lorong Kubur. Walau bagaimanapun beliau mengakui bahawa semasa ditangkap beliau belum lagi membayar upah.

Daripada kenyataan pelanggan-pelanggan di atas⁸² terdapat beberapa alasan mengapa mereka melanggani pelacur. Ada di antaranya yang ingin berkahwin dengan pasangannya. Bagi yang bukan Melayu mereka menyatakan hasrat ingin memeluk Islam sebelum berkahwin. Alasan lain ialah mereka tidak mengenali pasangannya dan menafikan membuat hubungan dengan orang yang dituduh sebagai pasangannya. Walau bagaimanapun, terdapat juga yang berterus-terang mengaku “berjahat” tetapi tidak pula mengenali pasangannya secara dekat. Selain itu ada yang mengaku menjadikan pasangannya sebagai perempuan simpanan. Selain itu ada juga yang menjadikan alasan hubungan yang akrab seperti adik beradik sebagai satu jalan untuk melepaskan diri.

⁸² Sebab-sebab yang telah dikemukakan di atas tadi adalah hasil daripada analisis penulis berdasarkan kenyataan yang diberikan oleh mereka. Lihat kenyataan semua pelanggan ini di lampiran (3.6).

Selain sebab-sebab yang telah dikemukakan di atas penulis juga telah mengenalpasti beberapa sebab lain yang mendorong lelaki ini gemar mengunjungi pelacur.⁸³ Pertama tertarik kepada semua jenis wanita dan suka ‘variety’ atau sukakan gaya seks yang berbeza. Ini dapat dilihat daripada pengakuan Pak Chik Mail.⁸⁴ Beliau berusia tujuh puluh lapan tahun, masih kelihatan seperti berusia sekitar lima puluhan. Masih mempunyai ingatan yang baik, percakapannya jelas dan terang serta mempunyai pendengaran dan penglihatan yang baik. Menurut pengakuannya beliau telah sembilan belas kali berkahwin namun semuanya bercerai. Isterinya yang ada sekarang adalah yang ke dua puluh dan telah dikahwininya pada tahun 1960 dan dikurniakan tiga orang anak.

Menurut Pak Chik Mail beliau mula mengunjungi pelacur ketika berusia sembilan belas tahun. Ketika itu beliau belum berkahwin dan pada awalnya beliau hanya mengikuti kawan-kawan. Tabiat tersebut diteruskan walaupun setelah beliau berkahwin. Menurut beliau lagi kegiatan melanggani pelacur telah diteruskannya sehingga kini.

Menurut Pak Chik Mail lagi tabiat melanggani pelacur ini tidak dapat diubahnya kerana menurutnya, beliau akan terus terpikat apabila melihat perempuan cantik. Menurut beliau lagi apabila melihat perempuan cantik berahinya akan naik dan di waktu itulah beliau mencari pelacur untuk melepaskan nafsunya. Beliau juga mengakui bahawa beliau suka kepada gaya seks yang berbeza dan ini hanya diperolehi melalui hubungan dengan pelacur. Beliau juga mengatakan bahawa beliau terpikat dengan pelacur

⁸³ Untuk mengenalpasti sebab-sebab ini penulis telah mengadakan temubual dengan 19 orang yang berusia di antara 66 hingga 81 tahun. Lima belas orang daripada mereka mengakui pernah melanggani pelacur. Sila lihat nota kaki nombor 58 di halaman 91.

⁸⁴ Responden ini penulis namakan sebagai Pak Chik Mail. Diinterviu pada 21hb. November, 1996. Beliau berusia 78 tahun. Melalui beliaulah penulis menemui Seman Gagap, Semaun, Pak Chek' dan Pak Man Sendul.

kerana mereka sentiasa kelihatan cantik dan berbudi bahasa. Kriteria seperti pandai melayan, pandai bermanja dan bercakap dengan bahasa yang lembut merupakan kriteria pelacur yang menyukarkan beliau mengubah tabiatnya. Menurut beliau lagi kebanyakannya lelaki suka dibelai dan dimanja apatah lagi jika mempunyai budi bahasa. Katanya :

Ada kerusi ada meja
tempat orang berayung kaki
ada budi ada bahasa
tempat orang menaruh hati.⁸⁵

Pak Chik Mail juga tidak melihat perbuatan beliau melanggani pelacur ini sebagai perbuatan yang keji dan hina sebaliknya beliau merasa bangga kerana dengan jalan melanggan beliau dapat membantu pelacur memberi makan. Menurut beliau lagi pelacur melacur untuk menyara kehidupannya dan adalah menjadi tanggungjawab kepada pelanggan untuk memberi pelacur itu wang atau sagu hati berupa barang serta perlindungan sebagai ganjaran perkhidmatan yang diberikan oleh pelacur.

Selain itu ada yang mendakwa bahawa hubungan dengan isteri terikat dengan peraturan-peraturan seperti kalau terlalu kerap boleh “rosak” atau “berair”. Begitu juga kalau dilakukan “sembarang” boleh melahirkan anak yang cacat atau buruk rupanya mempengaruhi sesetengah lelaki ini untuk mencari pelacur. Ini kerana dengan pelacur mereka tidak terikat dengan kepercayaan tersebut. Ada pun pelacur pula akan mengikuti kehendak pelanggan kerana mereka dibayar. Hal ini diakui oleh beberapa pelanggan antaranya Pak Chik Mail, Semaun dan Pak Chek². Namun begitu faktor ini bukanlah faktor mutlak yang menyebabkan mereka bertindak sedemikian. Sebaliknya

⁸⁵ Pantun yang dituturkan secara spontan kepada penulis berkenaan kriteria pelacur yang memikat hatinya.

kegagalan melawan nafsu turut menyebabkan mereka bertindak melanggani pelacur. Menurut Clinard M.B., "...it is often simpler and cheaper to secure extra-marital intercourse through a prostitute than by dating."⁸⁶

Ini diakui oleh seorang pelanggan iaitu Seman Gagap (bukan nama sebenar),⁸⁷ Menceritakan pengalamannya kepada penulis beliau menyatakan bahawa kali pertama beliau melanggani pelacur ialah beliau memberi pelacur tersebut sebanyak seringgit (sudah lupa tahun bila). Menurut beliau lagi ketika itu seringgit sudah cukup besar jumlahnya dan pemberian tersebut hampir sebulan disebut-sebut oleh pelacur berkenaan. Beliau walaupun mempunyai isteri yang cantik namun masih tetap jua memerlukan khidmat pelacur kerana menurutnya beliau sukar mengawal nafsunya apabila melihat perempuan cantik, berbau wangi dan berpakaian cantik.

Menurut Seman, beliau sebenarnya mampu untuk menyediakan pakaian yang cantik dan membeli minyak wangi untuk isterinya namun begitu beliau bimbang lelaki lain akan "mengorat" isterinya ketika beliau tiada di rumah. Seman juga memberitahu bahawa beliau seorang yang rajin ; pelbagai pekerjaan dilakukannya seperti menjadi nelayan, bermain dikir barat, main mak yong dan sandiwara serta pernah bekerja di Jabatan Kerja Raya sebagai buruh. Oleh hal yang demikian beliau tidak bermasalah sangat untuk mendapatkan wang sehingga pernah beliau memberi seorang pelajar sekolah sebanyak seratus lima puluh ringgit pada tahun 1959 setelah meniduri pelajar tersebut.

⁸⁶ Lihat Clinard M.B., Sociology of Deviant Behavior, Holt, Rinehart and Winston Inc., New York, hlm. 250.

⁸⁷ Ditemubual di Jalan Hamzah pada 22hb. November, 1996. Berusia 72 tahun.

Menurut Seman lagi, walaupun beliau gemar mengunjungi pelacur namun tanggungjawabnya sebagai seorang suami tidak pernah terabai. Tidak ada perasaan bersalah tentang apa yang dilakukannya kerana menurut beliau apa yang dilakukannya tidak lebih sebagai memenuhi tuntutan nafsu dan beliau berpendapat ini adalah lumrah sebagai manusia yang dilahirkan berpasangan lelaki-perempuan. Beliau juga tidak merasa bimbang dengan harga yang dikenakan oleh pelacur kerana bagi beliau pelacur ini mudah berkira dan boleh berlaku tawar-menawar, contohnya pernah berlaku apabila beliau ingin “meniduri” seorang pelacur ; pelacur tersebut meminta sebanyak \$20.00, namun beliau menawarkan \$10.00 dan pelacur ini tidak pula menolaknya. Bagi beliau kalaualah permintaannya ditolak beliau akan mencari pelacur lain. Ini kerana pelacur senang didapati kerana jumlahnya ramai.

Ketidak tenteraman rumah tangga merupakan salah satu sebab bagi Semaun (bukan nama sebenar),⁸⁸untuk menjalinkan hubungan dengan pelacur. Hal ini berlaku kerana beliau kecewa dengan sikap isterinya. Setelah hampir tiga tahun berkahwin beliau belum pernah tidur bersama isterinya. Menurut beliau apabila waktu malam isterinya akan tidur bersama-sama ibunya. Menurut beliau pada mulanya beliau masih boleh bersabar kerana mungkin isterinya masih terlalu muda (masa kahwin baru berusia sebelas tahun, sementara beliau berusia lapan belas tahun) dan masih lagi takut-takut kerana sebelum ini mereka tidak pernah berjumpa. Walau bagaimanapun lama kelamaan beliau mulai merasa bosan dan sebagai jalan keluar, beliau mengikuti kawan-kawannya ke tempat hiburan seperti tempat bermain mak yong. Dari situlah beliau mengenali ramai

⁸⁸ Ditemubual pada 23hb. November, 1996. Semaun tidak mengingati tarikh lahirnya, namun menurut beliau semasa Jepun mendarat di Kota Bharu tahun 1941 beliau telah pun berkahwin.

perempuan jahat. Walaupun di peringkat awal hanya mengikut kawan tetapi lama-kelamaan beliau sudah berani pergi sendiri.

Selain itu terdapat pelanggan yang menyatakan bahawa tidak ada sebab tertentu mereka menjalinkan hubungan dengan pelacur. Hal ini seperti dinyatakan oleh Pak Chek (bukan nama sebenar),⁸⁹ Beliau selalu mengambil dan menghantar pelacur ke hotel dan rumah tumpangan. Menurut beliau zaman dahulu (tidak beritahu bila) kegiatan pelacuran lebih terbuka dan terdapat ramai “perempuan mencari duit”. Sedangkan sekarang banyak pencegahan atau selalu diadakan serbuan. Beliau tidak dapat memberitahu sebab beliau melanggani pelacur, namun menurutnya lagi terdapat di kalangan perempuan yang dihantar dan diambilnya yang menawarkan diri.

Menurut Pak Chek' beliau tidak pernah mencari pelacur kerana beliau ejik dengan pekerjaan melacur yang dianggapnya hina. Menurutnya lagi pelacur yang dikenalinya tidak memilih pelanggan sebaliknya pelacur itu kalau anjing sekali pun yang membawa duit mengunjungi mereka tentu sahaja akan disambutnya. Namun begitu beliau tidak pula menolak kalau diajak tidur oleh pelacur yang menaiki becanya. Menurut beliau lagi, sekiranya pendapatan beliau lebih pada hari tersebut beliau akan membayar atau memberi sagu hati kepada pelacur tersebut atau kadangkala memadai dengan menghantar dan mengambil sahaja sebagai upahnya. Mungkin kerana sikap mudah berkira pelacur inilah yang mendorong beliau terjebak sama.

⁸⁹ Ditemubual pada 2hb. Disember, 1996. Bekerja sebagai penarik beca. Tangan kudung sebelah.

Pak Man Sendul (bukan nama sebenar),⁹⁰ juga menyatakan hal yang sama iaitu tidak ada sebab tertentu tetapi di peringkat awal penglibatannya dengan pelacur ialah kerana pengaruh kawan atau teman-teman yang sudah biasa berhubungan dengan pelacur. Beliau juga menyatakan bahawa sekadar untuk “suka-suka” hati sahaja, kerana telah punyai isteri.

Daripada kenyataan pelanggan-pelanggan tersebut dapat disimpulkan bahawa terdapat pelbagai faktor yang mendorong mereka melanggani pelacur. Antara faktor-faktor tersebut ialah inginkan kelainan seks, kegagalan melawan nafsu serta ketidak tenteraman rumah tangga. Faktor yang terdapat pada pelacur seperti cantik, lemah-lembut, pandai bermanja serta senang berkira adalah sebagai daya penarik kepada pelanggan ini untuk terus melanggani pelacur. Selain itu adanya batas-batas atau peraturan tertentu dalam perhubungan suami-isteri telah juga menjadi satu penyebab yang mendorong mereka melanggani pelacur.

⁹⁰ Penulis telah menemu bual dua kali responden ini kerana percakapannya kurang jelas dan sukar difahami. Temubual pada kali pertama pada 23hb. November, 1996 dan temubual pada kali kedua ialah pada 5hb. Mei, 1997. Semasa diinterviu pada kali kedua penulis ditemani Pak Chik Mail. Menurut cerita Pak Chik Mail, Pak Man Sendul semasa mudanya memang terkenal kerana memiliki suara yang merdu. Beliau dikatakan juga memiliki ilmu kebal dan dapat mematahkan besi hanya menggunakan dagu sahaja. Beliau juga digeruni kerana bertindak sebagai kaki pukul apabila ada yang cuba menganggu pelacur. Pak Man Sendul tidak pasti tentang umurnya, beliau menganggarkan sekitar tujuh puluhan. Namun begitu Pak Chik Mail mengatakan Pak Man Sendul berusia lebih lapan puluh tahun.

Ibu atau bapa ayam (barua)

Ibu atau bapa ayam merupakan orang perantaraan di dalam kegiatan pelacuran.⁹¹ Mereka bertindak sebagai orang yang mencari pelanggan, menyediakan tempat pelacuran dan mengutip duit pelacur dari pelanggan. Ia adalah satu kerja sepenuh masa atau sambilan. Kadang-kadang mereka mempunyai perniagaan lain yang lebih tetap. Di Kelantan mereka lebih dikenali sebagai *Barua*,⁹² *Pak Na* atau *Pak Ndor*⁹³ dan *Pinang Muda*.⁹⁴ Terdapat bukti menunjukkan wujudnya ibu atau bapa ayam yang mendalangi kegiatan pelacuran di Kelantan. Tulisan Abdullah Munshi misalnya telah menggambarkan wujudnya “Pinang Muda” di pelabuhan di Kelantan.⁹⁵

Selain itu arahan Sultan Kelantan kepada Majlis Ugama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) supaya bertindak ke atas “barua” telah juga menjadi bukti tentang kewujudan kegiatan ibu atau bapa ayam. Arahan tersebut dikeluarkan kerana telah dikenalpasti wujudnya kegiatannya beberapa orang ibu atau bapa ayam yang menjadi orang perantaraan antara pelacur dengan pelanggan-pelanggan yang berbangsa Cina dan lain-lain. Menurut Duli Yang Maha Mulia Sultan,

⁹¹ Seramai sebelas orang ibu atau bapa ayam dibincangkan. Semua kenyataan mereka diambil semasa tangkapan dilakukan oleh pihak MAIK. Sila lihat fail MAIK, 135/16, 43/17 dan 262/22. Lihat juga lampiran (3.7).

⁹² Gelaran ini kebanyakannya digunakan di dalam fail MAIK.

⁹³ Hasil temubual penulis dengan pelanggan pelacuran yang dikenali sebagai Pak Chik Mail pada 21hb. November, 1996 di Kota Bharu.

⁹⁴ Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, Kesah Pelayaran Abdullah, Malaya Publishing House Limited, Singapore, 1928, hlm. 78.

⁹⁵ Ibid.

...Perempuan-perempuan jahat itu tiada berubah juga daripada dahulu, didapati ada beberapa perempuan tua yang mencari makan dengan membawa perempuan-perempuan muda jahat beri kepada orang-orang Cina dan lain-lain. Majlis ugama hendaklah mencari jalan supaya diberhentikan perempuan-perempuan tua itu daripada berbuat demikian.⁹⁶

Hal ini diperakui oleh MAIK iaitu MAIK telah mendapati dua orang yang sangat masyhur melakukan pekerjaan tersebut iaitu Kalsom Bongkok dan Mak Yam.⁹⁷ Sementara itu dalam tahun 1916, seramai lapan orang yang telah dikenalpasti menjadi ibu dan bapa ayam telah ditangkap di lima kawasan di Kota Bharu.⁹⁸ Antara ibu dan bapa ayam tersebut ialah Hitam bini Awang di kawasan Lorong Putera, Mak Som Bongkok di Kampung Tengku Temenggung, Hitam di Langgar, Mek Jah di Lorong Syed Hussain, Mek Teh Dekor dan Hitam Mak Pak Teh di Paloh. Dua orang lagi ialah Mek Mas bini Mat Hassan, dan Awa bini Yaakob.

Selain di tempat-tempat yang disebutkan kedapatan ramai pelacur berhimpun di rumah Mak Som di Padang Garong, di berek Encik Leh Encik Kasim depan Mahkamah Syariah dan di gudang Encik Sulaiman Pengkalan Kubur Sebelah Hulu Pasar

⁹⁶ PBK, 244/16, “Berkenaan dengan perempuan-perempuan jahat tiada berubah daripada dahulu serta suruh majlis agama berhentikannya dengan apa jalan,” hlm. 1.

⁹⁷ Ibid. Kalsom Bongkok atau Mak Som Bongkok pernah dipanggil oleh pihak MAIK kerana menjalankan kegiatan sebagai ibu ayam. Nama beliau tersenarai di dalam lapan orang ibu ayam yang “masyhur” yang telah ditangkap oleh pihak MAIK pada tahun 1916. Sila lihat MAIK, 135/16. Lihat juga halaman 46, di dalam bab kedua.

⁹⁸ Lihat MAIK, 135/16. Lihat juga halaman 46, di dalam bab kedua.

Besar dan lain-lain lagi.⁹⁹ Di Jalan Masjid pula terdapat tiga orang menjadi ibu ayam iaitu Che Bidah, Zainab dan Halimah.¹⁰⁰

Selain di Kota Bharu, di Pasir Mas juga wujud kegiatan barua. Di rumah nombor 78, bandar Pasir Mas misalnya terdapat antara lima hingga sepuluh orang pelacur yang dipelihara oleh Mariam isteri Yaakob. Hal ini dinyatakan oleh mata-mata Mahmud di dalam suratnya kepada Dato' Mufti.¹⁰¹

Di Tumpat pula, pada tahun 1917 terdapat seramai empat orang telah dikenalpasti sebagai ibu dan bapa ayam. Mereka yang ditangkap ialah Mak Jawa, Mak Salamah, Lumat dan Deris kerja keretapi Tumpat.¹⁰² Sementara pada tahun 1923 pula seramai enam orang lagi telah ditangkap. Mereka ialah Che Seman Mualaf, Minah binti Che Seman, Pak Chu, Muda, Salleh dan Mak The Batul.¹⁰³ Ini bermakna pada tahun 1917 dan 1923 terdapat seramai sepuluh orang ibu dan bapa ayam telah ditangkap di Tumpat.

Berdasarkan penerangan di atas membuktikan bahawa kegiatan pelacuran di Kelantan di dalangi oleh orang perantaraan yang lebih dikenali sebagai ibu dan bapa ayam. Walaupun terdapat bukti yang menunjukkan wujudnya ibu dan bapa ayam namun di kalangan orang yang dituduh sebagai “barua” tidak ada seorang pun yang mengaku yang mereka melakukan pekerjaan itu. Mereka mengemukakan pelbagai alasan dan helah untuk mengelakkan daripada diitangkap dan dijatuhkan hukuman.

⁹⁹ Lihat MAIK, 179/23, “Report telah tangkap perempuan jahat yang berkhawat,” hlm. 1.

¹⁰⁰ Lihat MAIK, 342/37, op.cit., hlm. 1. Lihat juga nota kaki 50, halaman 90 di dalam bab ketiga.

¹⁰¹ Lihat MAIK, 164/23, op.cit., hlm. 1.

¹⁰² Lihat MAIK, 43/17, op.cit., hlm. 38.

¹⁰³ Lihat MAIK, 205/23, op.cit., hlm. 1.

Imam Tua Surau Banggol, Haji Nik Mahmud di dalam laporannya kepada MAIK meminta MAIK bertindak ke atas Abdul Latif bin Mamat¹⁰⁴ dari Kampung Banggol kerana didakwa telah menjalankan pekerjaan memelihara pelacur dan dikenalpasti bertindak sebagai bapa ayam. Menurut Haji Nik Mahmud,

...Dengan beberapa hormat memaklumkan ada seorang Abdul Latif bin Mamat duduk sepagar dengan rumah hamba Dato' itu sekiranya selalulah menjadi ketuaan perempuan jahat serta dengan memeliharkan dirumahnya. Sekiranya siapa-siapa berkehendak kepada perempuan jahat yang di duduk dirumah Latif itu bolehlah tetapi dikirakan dengan Latif itu dahulu...¹⁰⁵

Hal yang sama turut disuarakan oleh Imam Muda Surau Banggol, Haji Nik Soh. Menurut beliau Abdul Latif menjadi orang perantaraan antara pelanggan dan pelacur di bawah jagaannya. Pelacur itu pula bukannya orang tempatan sebaliknya mereka didatangkan dari Palekbang.¹⁰⁶

Abdul Latif bin Mamat,¹⁰⁷ walau bagaimanapun menafikan segala tuduhan yang dikenakan ke atasnya. Sebaliknya beliau menyatakan bahawa semua perempuan yang tinggal di rumahnya adalah kawan menantu beliau. Menurut beliau lagi sekarang semua perempuan tersebut telah meninggalkan rumah beliau kerana mengikut menantunya yang bekerja bermain Mak Yong.

¹⁰⁴ Abdul Latif bin Mamat bekerja sebagai penjual ikan dan beliau tinggal berjiran dengan rumah Imam Tua Surau Banggol. Sila lihat kenyataan beliau di lampiran (3.7).

¹⁰⁵ Lihat MAIK, 135/16.

¹⁰⁶ Ibid.

¹⁰⁷ Sila lihat kenyataan Abdul Latif bin Mamat di lampiran (3.6).

Kewujudan orang perantaraan dalam kegiatan pelacuran ini juga dapat dilihat melalui kenyataan Setiausaha MAIK di dalam suratnya kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail. Menurut Setiausaha MAIK beliau telah menerima satu penyata dari Tuan Kadi Pasir Putih berkenaan Salleh bin Midin dari Kampung Dalam Kelubi. Di dalam keterangannya beliau mengatakan Salleh telah menjalankan pekerjaan sebagai barua dalam bandar Pasir Putih. Selain menyimpan beberapa orang perempuan di rumahnya Salleh turut mencari pelanggan kepada perempuan tersebut ke serata tempat di dalam bandar tersebut. Segala amaran Tuan Kadi tidak diendahkan. Ini mendorong Setiausaha MAIK menulis surat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail,

...Majlis Ugama Islam telah menerima satu penyata dari Tuan Kadi Pasir Putih atas seorang nama Salleh bin Midin yang telah didapati keterangan yang cukup bahawa ia melakukan dan menjalankan pekerjaan "barua" perempuan-perempuan jahat di dalam bandar Pasir Putih. Maka Tuan Kadi telah memberi amaran kepadanya berapa kali supaya berhenti daripada pekerjaan yang hina dan keji itu, tetapi nampaknya ia tidak endahkan sekali, dan masih juga menyimpan berapa orang perempuan bujang di rumahnya dan dijajakannya serata-rata tempat di dalam bandar itu...¹⁰⁸

Salleh bin Midin, apabila disiasat ¹⁰⁹ di dalam kenyataannya kepada MAIK telah menafikan kegiatan beliau sebagai bapa ayam. Namun begitu beliau mengakui bahawa di rumahnya terdapat beberapa orang "perempuan bujang" yang sekali sekala

¹⁰⁸ PMK, 262/22.

¹⁰⁹ Lihat kenyataan Salleh bin Midin di lampiran (3.7).

datang untuk makan kerana mempunyai hubungan persaudaraan dengannya. Selain itu beliau turut menyatakan bahawa beliau telah berusaha mencari jodoh untuk mereka.

Hal yang sama dinyatakan oleh Mak Som binti Awang Kechik berasal dari Kota Bharu.¹¹⁰ Menurut beliau terdapat ramai “perempuan bujang” yang datang menumpang di rumahnya. Beliau tidak sampai hati untuk menghalau mereka keluar kerana kedatangan mereka adalah atas kerelaan mereka sendiri. Bagi Lijah binti Pak Nik, dari Kampung Engku Merah pula,¹¹¹ menyatakan bahawa sekarang tiada lagi “perempuan jahat” yang menumpang di rumahnya. Namun begitu dahulu terdapat juga “perempuan jahat” yang menumpang di rumahnya dan beliau mengetahui kegiatan mereka sebagai pelacur.

Terdapat juga di kalangan barua yang menempatkan pelacur jagaan mereka di tempat lain. Tujuan mereka berbuat demikian ialah untuk mengelakkan kegiatan mereka agar tidak dapat dikesan oleh pihak berkuasa. Mek Boo binti Said yang menyewa rumah di nombor 438, Jalan Post Office,¹¹² misalnya telah menyewa bangsal di kawasan ketek (rumah ibadat Buddha) di Tumpat. Beliau berbuat demikian kerana kegiatannya di Kota Bharu telah dapat dikesan.

Kegiatan tersebut telah disedari oleh pihak MAIK. Keadaan ini diperjelaskan di dalam surat Setiausaha MAIK kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad IV,

¹¹⁰ Lihat kenyataan Mak Som binti Awang Kechik di lampiran (3.7).

¹¹¹ Lihat kenyataan Lijah binti Pak Nik di lampiran (3.7).

¹¹² Sila lihat halaman 66 di dalam bab kedua berkenaan kegiatan Mek Boo sebagai ibu ayam. Lihat juga kenyataan Mek Boo di lampiran (3.7).

...Semalam (malam Ahad 2 Jun, 1918) patik pergi ke ketek Kampung Dalam kerana melihat permainan di sana. Maka patik dapati di dalam ketek itu ada sebuah bangsal yang disewa oleh seorang perempuan nama Mek Boo maka di dalam bangsal itu banyaklah perempuan-perempuan jahat yang patik dapat tangkap...¹¹³

Tuduhan sebagai ibu ayam telah disangkal oleh Mek Boo.¹¹⁴ Menurut beliau tujuan dia ke sana ialah untuk menemui seseorang bagi meminjamkan modal dan bangsal tersebut disewa untuk kemudahan pekerjanya yang mengerjakan padi di kawasan berkenaan. Beliau juga menafikan bahawa beliau mengenali orang-orang yang dituduh sebagai pelacur.

Pelbagai usaha dilakukan untuk melepaskan diri dari dituduh sebagai pelacur atau menjadi barua. Huraian di atas menunjukkan bahawa mereka tidak mengaku menjadi barua. Selain itu mereka juga tidak mengaku mengenali pelacur yang ditangkap. Untuk menguatkan lagi sokongan bahawa mereka tidak bersalah, mereka selalunya mengaku mempunyai suami.¹¹⁵ Ini kerana seseorang yang tidak bersuami sering dipandang serong oleh masyarakat.

Selain itu mereka juga memberitahu mempunyai pekerjaan tetap. Antaranya ada yang bekerja menjual ikan,¹¹⁶ menjual ikan dan bertunun

¹¹³ PMK, 89/18, "Berkenaan dengan seorang perempuan nama Mek Boo menyewa bangsal kerana mengisi perempuan jahat di ketek Kampung Dalam," hlm. 1.

¹¹⁴ Lihat kenyataan Mek boo di lampiran (3.7).

¹¹⁵ Sila lihat kenyataan Mek Boo binti Said, Mek Mas binti Hamat, Mek Som binti Awang Chik, Mak Hitam binti Deraman dan Wa binti Mat dilampiran (3.7).

¹¹⁶ Lihat kenyataan Latif bin Mamat di lampiran (3.7).

kain,¹¹⁷ menjahit,¹¹⁸ menjahit dan menjual kain¹¹⁹ menjual makanan¹²⁰ serta menjual nasi.¹²¹ Mereka berbuat demikian supaya tidak dituduh mendapatkan hasil atau pendapatan daripada pekerjaan sebagai barua.

Sejauh mana kebenaran penafian mereka ini sukar ditentukan. Sebahagian besar daripada kenyataan mereka susah ditentukan kesahihannya. Namun tidak dinafikan apabila terdapat “perempuan bujang” di rumah mereka, maka secara ‘automatic’ mereka didakwa sebagai barua. Gambaran ini menunjukkan bahawa masyarakat lebih memandang “perempuan bujang” sebagai perempuan jahat. Oleh kerana pandangan sedemikianlah maka ramai “perempuan bujang” terjerumus ke lembah pelacuran. Walau bagaimanapun bukan semua “perempuan bujang” itu adalah pelacur. Mereka juga akan dituduh sebagai barua sekiranya tidak mempunyai pekerjaan. Lantaran itu mereka mengakui mempunyai pekerjaan. Mereka juga mengakui mempunyai suami dalam usaha mengelakkan tuduhan atau terbukti sebagai ibu atau bapa ayam.

Pelbagai faktor yang menyebabkan barua ini mengelak daripada mengaku sebagai barua. Ini barangkali berkaitan dengan faktor moral orang-orang yang terlibat atau disebabkan tindakan undang-undang. Seseorang yang menjalankan atau menghidupkan

¹¹⁷ Lihat kenyataan Patimah binti Husin di lampiran (3.7).

¹¹⁸ Lihat kenyataan Mek Som binti Awang Chik di lampiran (3.7).

¹¹⁹ Lihat kenyataan Mek Som (Mak Som) binti Awang Kechik di lampiran (3.7).

¹²⁰ Lihat kenyataan Mak Hitam binti Deraman di lampiran (3.7).

¹²¹ Lihat kenyataan Wa binti Mat di lampiran (3.7).

atau menaungi kegiatan tidak bermoral ini akan dipandang hina oleh masyarakat. Jika didapati bersalah oleh mahkamah mereka akan dijatuhkan hukuman berat oleh mahkamah misalnya menurut notis no.3 tahun 1919 jika sabit kesalahan mereka akan didenda \$100 atau enam bulan penjara bagi kesalahan kali pertama bagi kesalahan kali kedua ialah denda \$300 dan jika gagal menjelaskannya akan dipenjara selama lapan belas bulan dan ditegah daripada memasuki dua puluh dua tempat yang telah ditetapkan.¹²² Memandangkan hukuman berat yang terpaksa ditanggung inilah maka seboleh-bolehnya ibu dan bapa ayam ini cuba menyelamatkan diri mereka dari didakwa dengan mengemukakan pelbagai alasan dan helah di dalam kenyataannya kepada pihak MAIK.

Kesimpulan

Umumnya, pelacur terdapat di keseluruhan jajahan di Kelantan dengan jumlah tangkapan yang terbesar di jajahan Kota Bharu, diikuti dengan jajahan Tumpat dan Pasir Mas. Di jajahan-jajahan lain juga ada bukti menunjukkan terdapatnya pelacur. Memandangkan statistik tangkapan di Kota Bharu lebih lengkap berbanding dengan jajahan-jajahan lain, maka boleh dikatakan Kota Bharu adalah pusat kegiatan pelacuran yang terbesar di Kelantan. Namun begitu tempat-tempat ini bukanlah menjadi sarang pelacuran bagi erti kata yang sebenarnya. Hanya sebahagian kecil sahaja yang benar-benar menonjol. Tempat-tempat yang sekian banyak ini muncul kerana pelacur-pelacur akan bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain apabila kegiatan mereka berjaya dibongkarkan oleh pihak berkuasa. Adanya permintaan daripada pihak pelanggan yang

¹²² Sila lihat notis nombor 3/1919, di dalam bab ke enam.

terdiri daripada berbagai bangsa dan lapisan masyarakat menyebabkan kegiatan ini sukar dibasmikan. Dalam hubungan ini terdapat pelbagai faktor yang mendorong pelanggan ini mendapatkan khidmat pelacur. Selain itu peranan ibu dan bapa ayam yang cergas di dalam kegiatan pelacuran turut menggalakkan aktiviti pelacuran di jajahan-jajahan tersebut di Kelantan.